



KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI MAKANAN

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**SEMPENA MAJLIS PRA-PELANCARAN  
*MALAYSIA AGRICULTURE, HORTICULTURE AND AGROTOURISM*  
(MAHA) 2020**

**26 OGOS 2020 (RABU), MAEPS SERDANG**

---

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

- YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri 1, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)
- YB Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi, Timbalan Menteri 2, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)
- YBhg. Dato' Haji Zainal Azman bin Abu Seman  
Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)
- Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha MAFI
- Ketua-ketua Jabatan dan Agensi MAFI
- Wakil-wakil kementerian, kerajaan negeri dan industri
- Barisan petugas media
- Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi sekalian.

Saya amat bersyukur kerana kita dapat berkumpul di sini pada hari ini dalam satu upacara yang saya anggap cukup penting sebagai persiapan Kementerian menganjurkan pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro

Pelancongan Malaysia ataupun *Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism show* – MAHA 2020 yang akan diadakan pada 26 hingga 29 November 2020.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang dapat hadir pada hari ini. Saya juga dimaklumkan bahawa selain daripada wakil-wakil kementerian dan agensi Kerajaan, turut bersama-sama kita pada pagi ini ialah wakil daripada kerajaan negeri dan juga industri. Ini adalah satu petanda yang amat baik dan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan menunjukkan sokongan awal terhadap penganjuran MAHA 2020.

MAHA yang diperkenalkan sejak tahun 1999, mempunyai sejarahnya yang tersendiri dan telah melalui pelbagai peringkat hinggalah ianya wujud dalam bentuk yang kita kenali pada hari ini. Program dwi-tahunan ini, walaupun secara khusus adalah mengenai pertanian, hortikultur dan agro pelancongan, ianya telah berkembang sehingga menjadi sebahagian dari landskap negara yang mempamerkan kemajuan dan pencapaian Malaysia.

Secara umumnya, MAHA adalah program yang menampilkan pelbagai produk baru berkaitan pertanian yang bersandarkan kepada teknologi terkini, inovasi-innovasi tempatan dan luar negara, strategi-strategi pemasaran dan pengeluaran yang efektif dan lain-lain pendekatan yang mampu membantu sektor tersebut.

Penganjuran terakhir MAHA iaitu dari 22 November hingga 2 Disember 2018, telah berjaya menarik seramai **3.3 juta orang pengunjung** dan mencatatkan hasil jualan sebanyak **RM215 juta**.

Akan tetapi, dengan mengambil kira situasi pandemik COVID-19, penganjuran MAHA perlu disesuaikan juga dengan keadaan semasa. Justeru itu, buat julung kalinya MAHA kali ini akan dilaksanakan secara hibrid, iaitu kombinasi fizikal dan maya (atau *virtual*). Kementerian komited dalam memastikan segala Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah digariskan oleh Kerajaan bagi mengekang penularan jangkitan COVID-19, dipatuhi sepanjang MAHA 2020 ini berlangsung.

### **Tuan-Tuan dan Puan-Puan,**

MAEPS telah menjadi tapak penganjuran MAHA sebanyak 7 kali, bermula pada tahun 2006 sehingga 2018. Saiz tapak ekspo yang besar amat sesuai bagi memastikan terdapatnya penjarakan fizikal sepanjang 4 hari pameran ini berlangsung. Sebelum ini, MAHA berlangsung untuk tempoh 11 hari dan tiada had dari segi jumlah pengunjung yang boleh datang. Namun, untuk MAHA 2020, penyertaan adalah secara jemputan dan fokus diberikan kepada acara ***Trade and Business Event***.

Penganjuran MAHA 2020 ini akan menjadi platform untuk Kementerian mencapai objektif yang disasarkan menerusi tema yang ingin diketengahkan adalah “**Pertanian Penjana Ekonomi Negara**” atau “***Agriculture The Driver of Malaysian Economy***”. Banyak perkara yang kita perhatikan dan pelajari semenjak penularan pandemik COVID-19 di seluruh dunia dan di Malaysia khususnya. Pertumbuhan ekonomi terjejas teruk akibat COVID-19 dan kebanyakan sektor mengalami pertumbuhan negatif sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Walau bagaimanapun, berdasarkan prestasi ekonomi negara untuk suku kedua tahun 2020, sektor pertanian masih mampu mencatatkan pertumbuhan positif. Ini menunjukkan, dalam apa jua keadaan dan krisis yang melanda, pertanian adalah sektor yang sangat penting dan perlu terus digerakkan dalam memastikan bekalan makanan negara sentiasa terjamin. Justeru, sektor pertanian adalah juga ejen penjana ekonomi negara yang telah terjejas akibat COVID-19.

Di samping itu, tumpuan Kerajaan dalam menganjurkan MAHA 2020 adalah terhadap kepentingan perkembangan teknologi dalam bidang pertanian negara. Sehubungan dengan itu, para peladang, penternak dan nelayan, termasuklah juga pemain-pemain industri yang baharu perlu memberi perhatian dan sokongan dalam menghadapi cabaran pada masa hadapan seperti kekurangan sumber tanah, kekangan tenaga pekerja, kewangan dan teknologi dalam usaha meningkatkan hasil makanan negara.

### **Tuan-Tuan dan Puan-Puan,**

Meskipun tempoh pameran lebih singkat kali ini, MAHA 2020 masih menggunakan pendekatan secara holistik dengan memberi penekanan kepada fokus utama seperti:

- (i) **Agro Trade**, iaitu melibatkan aktiviti perniagaan dan pepadanan perniagaan serta mempromosi produk tempatan dan antarabangsa. Ia juga menjadi platform untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan daripada usahawan industri kecil dan sederhana;

- (ii) **Agro Food Industry**, bagi mempamerkan produk dan teknologi terbaik di sepanjang rantai nilai agromakanan;
- (iii) **Agro Youth**, untuk menggalakkan dan mendorong pembangunan usahawan muda sebagai jaminan masa depan pertanian negara;
- (iv) **Agro Tourism**, khusus bagi mempromosi industri agropelancongan;
- (v) **Agro IT and Technology**, untuk mempamerkan penggunaan teknologi dan jentera terkini dalam sektor pertanian, perikanan, ternakan; dan
- (vi) **Agro Financing**, bagi mempromosikan pelbagai jenis kemudahan pinjaman, khususnya dalam bidang pertanian.

Seperti yang telah dinyatakan awal tadi, MAHA 2020 akan menampilkan sedikit kelainan selaras dengan pembudayaan norma baharu. Tarikan baharu yang bakal diketengahkan bukan sahaja akan memberi pengalaman baharu malah turut memaparkan perkembangan teknologi dalam bidang pertanian dan makanan. Ini termasuklah:

- (i) mekanisme aktiviti pepadanan perniagaan;
- (ii) penganjuran konvensyen dan seminar (secara *webinar*); dan
- (iii) akses kepada pameran *booth* secara maya.

Apabila diumumkan penganjuran MAHA secara hibrid, saya percaya ramai yang ingin tahu, apa itu MAHA hibrid. Kepada yang pernah mengunjungi MAHA sebelum ini, itu merupakan konsep MAHA yang dilaksanakan secara fizikal. Tetapi untuk MAHA 2020, kita tambah elemen pelaksanaan atas talian iaitu pameran secara maya (*virtual*).

Kombinasi fizikal dan maya (*virtual*) inilah yang menjadikan konsep pameran MAHA 2020, secara hibrid.

Pameran maya (*virtual*) MAHA 2020 adalah sebuah platform yang direka khusus bagi memenuhi keperluan perniagaan dalam industri pertanian dan makanan secara atas talian. Sama seperti apa yang ditawarkan oleh pameran fizikal, platform MAHA 2020 versi maya (*virtual*) ini juga mampu untuk mengendalikan transaksi perniagaan sama ada bagi pasaran domestik mahupun luar negara. Pelbagai aktiviti atas talian seperti sesi perbincangan, padanan perniagaan, webinar, konferens video serta promosi produk pameran boleh dipaparkan secara langsung seakan-akan pengalaman mengunjungi acara pameran fizikal.

Kita menyedari bahawa pembudayaan norma baharu dalam komuniti bagi mencegah penularan COVID-19 telah menjadi *push factor* kepada penggunaan teknologi dalam banyak perkara termasuklah dalam bidang pertanian serta pameran MAHA ini sendiri. Konsep baharu pameran MAHA kali ini sudah semestinya akan menjadi *game changer* dalam pameran program *Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions* (MICE).

### **Tuan-Tuan dan Puan-Puan,**

Seperti semua sedia maklum, semasa pembentukan Kabinet baharu di bawah pimpinan YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri Malaysia, Kementerian ini telah dinamakan sebagai Kementerian Pertanian dan Industri Makanan atau *Ministry of Agriculture and Food Industries* – MAFI. Meskipun dari segi struktur Kementerian, tidak banyak yang berubah, amanah dan tanggungjawab

yang dipikul Kementerian, kini semakin berat. Sempena majlis prapelancon MAHA 2020 ini juga, Kementerian akan mengadakan sesi pengenalan logo MAFI yang baharu di akhir majlis ini nanti. Semoga penjenamaan semula Kementerian ini dapat memberikan semangat baharu untuk sama-sama kita memajukan sektor pertanian di negara ini.

Akhir kata, adalah diharapkan MAHA 2020 dapat menjadi medium terbaik Kementerian untuk menyebarkan luas potensi sektor pertanian dan projek berasaskan teknologi tinggi dalam sektor pertanian. Melalui penganjuran MAHA 2020, rakyat terutamanya generasi muda akan sedar bahawa sektor pertanian yang berteknologi tinggi mampu memberikan pendapatan yang menguntungkan dan lumayan.

Apapun, Kementerian akan memastikan MAHA 2020 dapat dilaksanakan dengan lancar dan dapat menarik lebih banyak penyertaan daripada sektor awam, swasta dan antarabangsa untuk mempamerkan produk, teknologi dan inovasi dalam sektor pertanian.

Mudah-mudahan, tuan-tuan dan puan-puan yang berada di sini pada hari ini akan terus memberikan sokongan dan sama-sama kita menjayakan penganjuran MAHA 2020 yang akan diadakan pada 26 hingga 29 November 2020 nanti.

Sekian dan terima kasih.